

**UCAPAN PERDANA MENTERI, DI UPACARA  
PERASMIAN PERAYAAN JUBLI EMAS MAKTAB  
PERGURUAN SULTAN IDRIS TANJUNG MALIM,  
PERAK PADA 20HB JULAI, 1973**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Sebagai pembuka kata, suka saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Jawatankuasa Perayaan ini, khasnya kepada sahabat saya, Tan Sri Syed Nasir, kerana sudi menjemput saya untuk merasmikan Perayaan Jubli Emas MPSI yang pada masa dulu terkenal dengan nama SITC Tanjung Malim.

Saya bersyukur ke hadrat Allah kerana mengizinkan saya dapat bersama-sama dengan saudara-saudara sekalian pada peristiwa yang besar maknanya ini. Bahkan, pada anggapan saya, Perayaan ini bukanlah hanya dipandang penting oleh Murid-murid Tua yang telah menempuh pintu gerbang Kolej ini tetapi juga kepada orang-orang Melayu di seluruh negara. Dengan yang demikian amatlah wajar hari yang berbahagia ini disambut dengan penuh makna sejarah bagi mengingatkan jenerasi rauda hari ini dan jenerasi-jenerasi masa depan akan sumbangan besar yang telah diberikan oleh Kolej ini kepada pendidikan Melayu dan lebih-lebih pula kepada kebangkitan nasionalism Malaya dalam tahun-tahun tiga-puluhan.

Kita sama-sama maklum dalam zaman penjajahan sebelum Perang Dunia Kedua dulu terdapat hanya dua institusi yang menjadi kebanggaan orang-orang Melayu iaitu MCKK—yang kebetulan Alma Mater saya—dan SITC. Tidaklah salah kalau saya katakan bagi seorang kanak-kanak Melayu di masa itu bila ditanya apakah cita-citanya dalam hidup, dia hanya akan memilih antara dua Kolej ini sebagai puncak cita-cita hidupnya. Lebih-lebih pula bagi anak-anak yang berasal dari kampung, kedudukan guru yang berkelulusan SITC amat tinggi dipandang masyarakat.

Antara kedua institusi ini, MCKK yang juga dipanggil orang Babul Darjat adalah tertua sedikit. Saya tak payah sebut mana satu yang terbaik di antara dua Maktab itu—memadailah di perlawanan bolasepak 1939 yang saya sendiri mengambil bahagian, MCKK telah mengalahkan SITC. Meskipun begitu, patutlah diingat SITC sebagai tapak semaian pendidikan Melayu adalah lanjutan dari Maktab Latihan Melaka dan Matang sebelumnya yang telah

melahirkan kaum pendidik Melayu sejak awal kurun ini. Walau apapun kekurangan yang terdapat pada masa itu, saya rasa seluruh orang Melayu bukan saja di Malaysia bahkan juga di Singapura dan Brunei sangat-sangat terhutang budi pada Kolej ini oleh kerana para guru yang lulus di sinilah memegang peranan penting membentuk dan melentur anak-anak bangsanya pada peringkat permulaan Sebelum mereka melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi.

Sejarah juga merakamkan bahawa Kolej ini dalam tahun-tahun tigapuluhan dulu merupakan cradle of Malay Nationalism kerana di kalangan guru-guru Kolej inilah mula bertumbuhnya semangat kebangsaan Melayu yang kemudian bertiup kencang di seluruh tanahair kita hingga tercapai kemerdekaan. Nama tokoh-tokoh guru yang terkemuka seperti Haji Buyung Adil, Harun Aminurrashid, Ibhy, Karim Rashid antara lain-lain, akan kekal tercatat dalam Sejarah negara. Berkat pimpinan dan inspirasi mereka itulah kita berbangga hari ini dengan tokoh-tokoh pemimpin di kalangan UMNO iaitu Allahyarham Encik Abdul Rahman Talib, Encik Ghaffar Baba, Datuk Senu, Tan Sri Syed Nasir, Datuk Sri Kamarudin dan ramai lagi yang tidak dapat saya sebutkan namanya satu persatu.

Saudara-saudara sekalian,

Tidak syak lagi dalam peristiwa seperti perayaan hari ini kita akan mengingati semula detik-detik Perkembangan yang berlalu di Kolej ini yang mana telah membawa perubahan besar kepada sistem pelajaran Melayu khasnya. Saya percaya tidak siapa yang boleh menyangkal bahawa dalam bentuk dan corak asalnya Pendidikan yang diberikan di SITC pada zaman Sebelum Perang membawa kepada awal limapuluhan hanyalah bertujuan untuk mengeluarkan tenaga guru setakat memenuhi keperluan Pendidikan yang paling minima. Pendidikan aliran Melayu pada masa itu tidak lebih dari tingkatan rendah atau primary education dan tidaklah salah kalau saya katakan bahawa taraf Pendidikan atau sebenarnya latihan guru hanyalah setakat lower secondary. Tambahan pula dalam sistem penjajahan itu academic content dicampur aduk pula dengan kegiatan-kegiatan luar yang tidak sama sekali memberi makna apatah lagi inspirasi kepada pelajar-pelajar seperti berkebun sayur, menganyam bakul dan bertukang kayu.

Barangkali tekanan dan himpitan dari sistem usang inilah yang mencetuskan peristiwa memboikot kelas yang dilancarkan oleh

sekumpulan pelajar-pelajar dalam tahun 1950—peristiwa mana telah mendesak penubuhan Jawatankuasa BARNES yang ditugaskan menyiasat kedudukan Pendidikan Aliran Melayu. Bagi kaum pelajar khususnya penubuhan Jawatankuasa Barnes ini menempa sejarah kerana buat pertama kali seorang wakil pelajar iaitu Allahyarham Aminuddin Baki yang pada masa itu menjadi Presiden Gabungan Pelajar-pelajar Melayu Semenanjung ditunjuk sebagai salah seorang anggotanya. Saya rasa amatlah kena pada tempatnya kita sekalian pada hari berbahagia ini mengenangi jasa-jasa Allahyarham itu terhadap pelajaran Melayu dan pendidikan kebangsaan, terutama mengenang bahawa di Kolej inilah beliau mencurahkan khidmat baktinya sekembali saja dari menamatkan pengajiannya di London. Nama beliau sayugianya mempunyai tempat istimewa di Kolej ini.

Saudara-saudara sekalian,

Seperti yang sering saya katakan di masa-masa lepas, saya merasa sungguh bertuah kerana diberi tugas pertama sebagai Menteri Pelajaran semasa negara kita memulai pemerintahan sendiri menjelang kemerdekaan. Meskipun hanya dalam tempoh yang singkat, tetapi dalam masa itulah kita berhasil meletakkan tapak landasan bagi Dasar Pendidikan Kebangsaan yang berjalan hari ini. Semasa itulah saya telah menjalin hubungan yang erat dengan tokoh-tokoh pendidik dan perjuangan kemerdekaan dan hingga hari ini saya merasa amat terhutang budi atas sokongan serta kerjasama yang mereka berikan kepada saya yang tidak ternilai harganya.

Saya sukacita menyebut di sini iaitu salah satu daripada perkara-perkara yang ditegaskan dalam Penyata Pelajaran 1956 ialah peri mustahaknya guru-guru Melayu lepasan SITC ini meninggikan pelajaran mereka samada cuba mengambil peperiksaan Cambridge di samping mempelajari bahasa kedua. Syukur Alhamdulillah, nasihat saya yang ikhlas itu mendapat sambutan baik dari kalangan guru-guru dan berkat tekun serta azam mereka ramai antaranya yang terus melanjutkan pelajaran ke peringkat Universiti dan mendapat ijazah di situ. Hari ini terdapat tidak kecil bilangan para pensyarah di Universiti Malaya, Universiti Sains dan Universiti Kebangsaan guru-guru lepasan SITC yang telah berjaya meningkat begitu tinggi di lapangan akademik dan ada yang terkenal di dunia International kerana karya sastra seperti Saudara Shahnom Ahmad yang ada bersama-sama di sini hari ini.

Memandang ke belakang kepada tahun-tahun yang silam, saya rasa jenerasi kita amat bertuah kerana mendapat peluang berkhidmat dan berbakti kepada negara hingga mencapai kemerdekaan dan seterusnya mengisi kemerdekaan itu. Kita boleh berbangga dengan kejayaan yang dicapai hingga hari ini akan tetapi kita mengakui bahawa matlamat cita-cita kita masih jauh di hadapan dan kita berazam akan berusaha dengan penuh dedikasi hingga tercapai cita-cita itu. Bagaimanapun, umur dan tenaga adalah terbatas dan kita sama-sama berharap agar jenerasi hari ini dan yang berikutnya akan meneruskan usaha itu hingga tercapai matlamat dengan penuh kejayaan.

Saudara-saudara sekalian,

Seperti yang saya tegaskan semasa Konvokesyen Universiti Kebangsaan Malaysia baru-baru ini, matlamat pendidikan negara ialah membina masyarakat Malaysia dalam context pembaruan atau renaissance di mana anggota-anggota masyarakat dapat menerima sepenuhnya-munafaat dari perbendaharaan ilmu pengetahuan terutama dalam bidang sains dan teknologi di samping mempunyai keperibadian dan kemampuan menyambung tamaddun manusia. Dalam hubungan ini, Kolej ini mempunyai peranan tertentu iaitu melahirkan para pendidik yang motivated dan berdedikasi kerana di tangan merekalah terserah masa depan ratusan ribu kanak-kanak jenerasi baru. Kata pepatah "melentur aur biarlah dari rebung" dan ini amatlah tepat dengan tugas dan kewajipan para pendidik di peringkat pelajaran rendah dan menengah seperti para pelajar di Kolej ini.

Kita sama-sama maklum bahawa satu hal yang amat mendesak di lapangan pelajaran hari ini ialah buku-buku teks dalam Bahasa Malaysia yang bermutu. Pada zaman sebelum perang dulu Jabatan Terjemah Menterjemah di SITC terkenal di seluruh Nusantara sebagai pusat penulisan buku-buku untuk sekolah-sekolah dan bacaan umum dalam Bahasa kita, tugas mana diambil alih oleh Dewan Bahasa dan Pustaka apabila ditubuhkan enam belas tahun dahulu. Namun begitu saya sukalah melihat guru-guru lepasan di sini terus menyambung tradisi dan reputation SITC yang lalu dengan mengusahakan penulisan buku-buku sekolah dan bacaan umum yang bermutu. Kekurangan karya novel dalam pemberian Hadiah Sastera tahun ini dan tahun lalu jelas mencerminkan keadaan ini dan rasanya tidaklah patut keadaan seperti ini terus berlaku.


Saya tahu sahabat saya Tan Sri Syed Nasir semasa mengetuai DBP telah berusaha keras meninggikan martabat bahasa di samping menunaikan tugas utama mengeluarkan buku-buku teks dan bacaan umum. Memang diakui ada beberapa orang yang mendapat pendidikan di sini yang telah berjasa mengekalkan nama baik SITC sebagai pusat penulisan dalam bahasa Malaysia dan saya percaya serta ingin melihat lebih rami lagi bakat-bakat penulis akan berani muncul ke depan mengisi kekurangan yang saya katakan tadi.

Menyambung dalam hubungan ini lagi, elok juga saya sebutkan dengan terus terang tentang gejala-gejala yang timbul di kalangan para guru hari ini. Kita masih ingat di masa-masa lampau para guru mempunyai kedudukan yang tinggi sebagai golongan elite leadership terutama di kalangan masyarakat luar bandar. Hakikat bahawa grass-rootleadership dalam parti UMNO yang kebanyakannya terdiri dari kaum guru atau pendidik mencerminkan ini dengan jelasnya. Saya suka sekali kalau keadaan ini dapat dikekalkan kerana tidak siapa yang boleh menafikan bahawa para guru merupakan golongan pemimpin yang semula jadi baik dalam masyarakat Melayu ataupun bukan Melayu. Hanya agak dikesalkan juga oleh sebab adanya faktor lain seperti trendy mode dan hippie di kalangan yang muda-muda. Maka imej guru agak merosot juga. Saya percaya keadaan ini boleh dibaiki supaya kedudukan kaum guru dapati pertahankan pada tempat yang sewajarnya.

Saudara-saudara sekalian,

Peristiwa hari ini pada aspek yang lain menandakan kematangan kita sebagai bangsa yang merdeka dan berdaulat kerana setiap bangsa yang besar—bukan dalam ertikata ramai penduduk tetapi mempunyai martabat dan keperibadian—semestinya menghormati lambang yang memenuhi lembaran sejarahnya. Bagi kita, SITC adalah salah satu daripada lambang-lambang itu dan saya sekali lagi menyatakan rasa penuh kegembiraan kerana dapat bersama-sama di sini pada saat yang berbahagia ini.

Dengan nama Allah yang Maha Kuasa, saya sukacita merasmikan Perayaan Jubli Emas Maktab Perguruan Sultan Idris ini sambil mengiringi doa mudah-mudahan segala usaha kita akan diberkati Allah dan dipeliharanya kita dalam aman damai, sentosa dan bahagia.



**Tun Abdul Razak bin Hussein sedang membuka papan-nama semasa perayaan Jubli Emas Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjong Malim pada 20hb Julai, 1973.**

**(Gambar Jabatan Penerangan Malaysia)**